

Ustaz Hj. Mohammad Asraff Ayob Al-Hafiz

Benarkah
BACA
AL-QURAN
‘merangkak’
DAPAT PAHALA?

Jawapan & Pencerahan kepada

56

persoalan penting

berkaitan hukum tajwid & Al-Quran
yang paling anda teruja, ingin tahu kupasannya

BONUS PERGUMA

9

video penjelasan
tentang persoalan tajwid
paling mengelirukan





Teknik Terbaik Baca Al-Quran Jika Nafas Pendek

SOALAN :

Ustaz, bagaimana cara terbaik untuk berhenti & memulakan bacaan jika nafas saya pendek? Selalunya ketika baca Al-Quran, saya sering berhenti di tengah ayat. Kadangkala saya keliru bagaimana cara memulakan bacaan semula. Terima kasih.

JAWAPAN :

Persoalan berhenti 'mengejut' atas sebab tertentu ketika membaca Al-Quran memang ada dibahaskan ulama. Ia dinamakan waqaf Idhtirori atau waqaf yang dilakukan kerana terpaksa seperti tidak cukup nafas, bersin, batuk, menguap tiba-tiba atau apa jua alasan yang kita anggap sebagai 'darurat'.

Masalah waqaf (berhentikan bacaan) kerana nafas pendek termasuk dalam kategori ini. Waqaf itu tiada masalah cuma soalnya sekarang, bagaimana cara tepat untuk waqaf?

Adakah kita boleh berhenti sebarang hatta di tengah perkataan?

Bagaimana pula cara memulakan bacaan?

Dua perkara ini yang akan kita bincangkan di bawah.

1. Cara berhenti (waqaf)

Bagi mereka yang nafasnya pendek, agak mustahil bagi mereka untuk berhenti pada tanda waqaf yang disyorkan ulama seperti 'Jim kecil', 'Qof-Lam-Ya', 'Mim kecil' dan sebagainya.

Kita faham masalah ini. Nafasnya pendek. Tak mungkin sampai hingga ke 'stesyen' tanda waqaf tersebut. Maknanya, mereka akan berhenti di 'tengah perjalanan'. Waqaf inilah dinamakan sebagai waqaf Idhtirori.

Walaupun mereka boleh berhenti di mana sahaja mengikut kemampuan nafas, namun aturannya tetap perlu diikuti iaitu :

1. Dilarang berhenti di tengah kalimah. Kita perlu waqafkan bacaan di hujung perkataan. Saya akan jelaskan dengan menggunakan contoh perkataan rumi. Misalnya kita ingin berhentikan bacaan pada perkataan 'melipatgandakan'.

Kita tidak boleh waqaf dengan menyebut 'melipatga' sahaja. Ia perlu dihabiskan hingga ke hujungnya. Jika anda perasan nafas agak kritikal & tidak mungkin berjaya menyebut seluruh perkataan itu, waqaf sahaja pada perkataan sebelumnya.

2. Pastikan ketika berhenti, baris hujung kalimah dimatikan. Contohnya anda ingin waqaf pada perkataan 'solaat' dalam ayat di bawah :

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ

Walaupun huruf 'ta marbuthoh' pada kalimah itu berbaris atas, namun ia perlu dimatikan ketika waqaf. Maka bunyi yang sepatutnya adalah 'solaah' bukannya 'solaata'.

2. Cara sambung bacaan (Wasal)

Baik, cara sambung bacaan sebenarnya lebih '*tricky*' kerana ramai yang akan bertanya soalan begini :

- adakah saya perlu mulakan bacaan dari perkataan yang diwaqafkan padanya?
- adakah saya boleh teruskan bacaan pada kalimah seterusnya?
- adakah saya perlu memulakan bacaan dengan mengambil beberapa kalimah sebelumnya?
- adakah saya perlu mencari huruf 'wau' atau 'fa' terhampir untuk memulakan bacaan?

Sebenarnya, jawapannya akan mudah jika anda fahami bahasa arab. Ini kerana menurut ilmu bacaan Al-Quran, tujuan ulama meletakkan tanda waqaf adalah untuk membantu kita, orang '*ajam*' iaitu mereka yang tidak memahami bahasa arab berhenti & memulakan bacaan dengan sempurna.

Mereka tidak mahu kita berhenti semberono hingga mencatatkan makna bacaan.

Sama dalam bahasa melayu, kita tentu merasa pelik jika seseorang membaca ayat '*saya minum susu lembu dalam cawan*' lalu ia berhenti pada perkataan 'susu' & memulakan bacaan pada 'lembu'.

Cuba anda '*try*'. Maknanya pelik bukan?

Ia memang pelik kerana maknanya telah terpesong dari yang sepatutnya.

Namun begitu, bagi mereka yang bermasalah nafas pendek & kurang arif bahasa arab, saya kongsi satu petua termudah untuk memulakan bacaan :

- Untuk jalan selamat, mulakan bacaan dari kalimah sebelum anda berhenti. Contohnya, Jika anda berhenti pada perkataan 'solaah' :

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ

Jalan selamat, mulakan bacaan pada perkataan sebelumnya iaitu 'wayuqiimuuna' dan teknik ini boleh digunakan apabila tiada sebarang alamat waqaf pada kalimah 'solaah'. Jika alamat waqaf wujud di atasnya seperti 'qof-lam-ya', anda boleh memulakan bacaan pada kalimah selepasnya.

Saya tidak katakan cara ini yang terbaik kerana dalam beberapa kes, makna bacaan tetap sedikit keliru. Tetapi disebabkan masalah anda amat unik iaitu 'nafas pendek' & kemampuan bahasa arab pula terbatas, maka inilah penyelesaian paling terbaik & paling selamat yang boleh dicadangkan.

Semoga Allah s.w.t mengampunkan kekhilafan & menaikkan darjat kita atas usaha bersungguh membaca Al-Quran walaupun berdepan dengan kekurangan.

Semoga Allah s.w.t membantu memperbaiki nafas kita agar lebih panjang untuk lebih selesa membaca kitabNya.

Wallahul mus'taaan.

Kepada Allah Ta'ala kita berlindung & memohon pertolongan.